

DEFINISI

Majlis Sulh ialah sesi perundingan dipimpin di antara dua pihak yang bertikai yang dipengerusikan oleh Pegawai Sulh Mahkamah Syariah dengan tujuan untuk mendapatkan persetujuan bersama dalam menyelesaikan suatu pertikaian secara damai tanpa perlu melalui proses perbicaraan di dalam Mahkamah.

PIHAK YANG TERLIBAT

- (1) Plaintif / Pihak yang membuat tuntutan
- (2) Defendan / Pihak yang kena tuntutan
- (3) Pegawai Sulh

ASAS PELAKSANAAN SULH

Firman Allah S.W.T yang bermaksud:

*“Dan jika dua puak dari orang-orang yang beriman berperang, maka **damaikanlah** di antara keduanya”*

(Surah Al-Hujrat:9)

Firman Allah S.W.T yang bermaksud:

*“Dan jika seorang perempuan bimbang akan timbul dari suaminya nusyuz (kebencian), atau tidak melayaninya, maka tiadalah salah bagi mereka (suami isteri) **membuat perdamaian** di antara mereka berdua (secara yang sebaik-baiknya), kerana perdamaian itu lebih baik (bagi mereka daripada bercerai-berai)”*

(Surah Al-Nisa’:128)

Rasulullah ﷺ bersabda:

*“**Perdamaian (sulh)** itu diharuskan (dalam urusan) di antara kaum Muslimim, kecuali sulh dalam hal mengharamkan sesuatu yang halal dan menghalalkan sesuatu yang haram”.*

(Hadith Riwayat Al-Tarmizi)

Seksyen 99 Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Sembilan) 2003:

*“Pihak-pihak dalam apa-apa prosiding boleh, pada mana-mana peringkat prosiding itu, mengadakan **Sulh** bagi menyelesaikan pertikaian mereka mengikut apa-apa kaedah sebagaimana yang ditetapkan atau, jika tiada kaedah sedemikian mengikut hukum syarak”.*

JENIS KES YANG BOLEH MELALUI PROSES SULH

Antara kes yang perlu dirujuk ke Majlis Sulh semasa peringkat pendaftaran kes di Mahkamah Syariah ialah:

- 1) Tuntutan Gantirugi Pertunangan
- 2) Tuntutan Muta’ah
- 3) Tuntutan Harta Sepencarian
- 4) Tuntutan Nafkah Isteri
- 5) Tuntutan Nafkah Kepada Pihak Tak Upaya
- 6) Tuntutan Cagaran Nafkah
- 7) Tuntutan Nafkah Eddah
- 8) Tuntutan Mengubah Perintah Nafkah
- 9) Tuntutan Tunggakan Nafkah
- 10) Tuntutan Nafkah Anak
- 11) Tuntutan Mengubah Perintah Hak Jagaan Anak
- 12) Tuntutan Mengubah Perjanjian Hak Jagaan Anak
- 13) Tuntutan Hadhanah
- 14) Tuntutan Gantirugi Perkahwinan
- 15) Tuntutan Hak Tempat Tinggal
- 16) Tuntutan Perintah Supaya Suami Tinggal Bersama Semula
- 17) Tuntutan Isteri Kembali Taat
- 18) Tuntutan Mas Kahwin

Antara kes yang tidak perlu melalui Proses Sulh seperti berikut:-

- 1) Permohonan perceraian atau pengesahan nasab
- 2) Kes Ex Parte (Interim)
- 3) Kes yang telah melalui Proses Pengantaraan di Jabatan Bantuan Guaman Malaysia

KELEBIHAN SULH

- ✚ **Sukarela** – dibuat atas kehendak bersama
- ✚ **Rahsia** – antara pihak-pihak dan pegawai sulh sahaja
- ✚ **Mudah** – Pegawai Sulh hanya membantu dan memandu perundingan tetapi pihak-pihak yang membuat keputusan
- ✚ **Jimat** – kos, masa dan tenaga pihak-pihak
- ✚ Perundingan bersifat **terpimpin** dan bukannya dominasi sebelah pihak
- ✚ Perundingan melihat **kepentingan masa depan** pihak-pihak dan bukannya mengungkit serta menyalahkan pihak yang lain
- ✚ Penyelesaian secara **terbuka** dan bukannya melepaskan dendam



Nota Peringatan

Segala maklumat di dalam risalah ini hanyalah panduan sahaja dan tidak boleh dijadikan hujah di dalam mana-mana prosiding Mahkamah

CARTA ALIRAN PROSES SULH

Pendaftaran Kes di Kaunter

Majlis Sulh ditetapkan dalam tempoh 21 hari

Majlis Sulh diadakan dengan kehadiran kedua-dua pihak di hadapan Pegawai Sulh



**SULH
BERJAYA**

**SULH
GAGAL**

Pihak-pihak tandatangan Perjanjian Penyelesaian dan diendorskan sebagai Perintah Mahkamah



KES SELESAI



KES SELESAI

Prosiding Perbicaraan

Keterangan Plaintiff

Keterangan Saksi Plaintiff

Keterangan Defendan

Keterangan Saksi Defendan

Hujahan Bertulis

Keputusan Hakim & Perintah dikeluarkan



JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI
SEMBILAN
KOMPLEKS KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI
SEMBILAN,
1054A, JALAN SENDAYAN, 71950
BANDAR SRI SENDAYAN, NEGERI
SEMBILAN
NO. TEL : 06-7812444
NO.FAKS : 06-7812400
EMAIL : jksnns@esyariah.gov.my
Laman Web : <http://jksnns.ns.gov.my>



SULH KIT

